

# KOD ETIKA PAKAR SIMULASI KESIHATAN

KUMPULAN KERJA KOD ETIKA

Edisi Bahasa Malaysia (Malay version)

Diterbitkan 2018.12.02  
[ssih.org/Code-of-Ethics](http://ssih.org/Code-of-Ethics)

Disokong oleh:



# PENGENALAN & LATAR BELAKANG

Pada 13 Januari 2018, sekumpulan pakar simulasi kesihatan dari seluruh dunia telah berkumpul pada satu sidang kemuncak yang diadakan di Los Angeles, California dalam satu usahasama bagi membangunkan satu kod etika untuk kegunaan bersama bagi semua pengamal profesional simulasi kesihatan.

Ahli kumpulan kerja adalah terdiri dari mereka yang mempunyai pelbagai kepakaran disamping simulasi, datang dari pelbagai negara meliputi 6 benua telah bekerjasama bagi tugas ini. Mereka juga mewakili pelbagai pertubuhan serta organisasi termasuk pihak industri. Hasil kerjasama diantara mereka dengan pakar kod etika, kumpulan ini telah menghasilkan kod etika simulasi yang sesuai untuk kegunaan para pakar simulasi dari pelbagai disiplin. Kod Etika Simulasi Kesihatan (KESK) ini menekankan beberapa nilai utama yang seharusnya menjadi aspirasi kepada semua pengamal simulasi iaitu: Integriti, Ketelusan, Saling Menghormati, Profesionalisma, Ketanggungjawaban (akauntabiliti) dan Berorientasikan Hasil. Kod ini memperkenalkan nilai yang penting untuk semua pihak dalam bidang simulasi kesihatan dan juga mengenengahkan identiti serta komitmen kita kepada simulasi kesihatan sebagai satu profesion.

Kumpulan kerja ini menawarkan satu Kod Etika Simulasi Kesihatan untuk digunapakai oleh persatuan profesional, persatuan umum, dan institusi, sebagaimana bersesuaian untuk kegunaan kumpulan tersebut.

**Kod ini untuk siapa :** Kod Etika Simulasi Kesihatan ini direka untuk menegakkan nilai aspirasi yang tinggi di kalangan seluruh profesional simulasi kesihatan.

**Penggunaan Kod:** Seperti kod etika lain, kod ini adalah terpakai ke atas diri sendiri tanpa paksaan. Oleh itu terpulanglah kepada organisasi, persatuan dan institusi untuk menggunapakai dan menyebarkannya kepada semua.

**Anotasi Kod:** Organisasi dan institusi boleh menghuraikan dan memperincikan kod tersebut jika perlu. Sebagai contoh, Persatuan Psikiatri Amerika telah menerima Kod Etika daripada Persatuan Perubatan Amerika secara amnya, dan juga memperincikan prinsip mengenai kod yang berkaitan dengan penjagaan psikiatri.

**Terjemahan Kod:** Penterjemahan Kod Etika ini adalah digalakkan untuk menyokong pemahaman global dan penggunaan konsep-konsep yang terkandung di dalamnya. Maklumat mengenai penterjemahan Kod Etika boleh diakses dari laman sesawang SSH.

**Di mana Cari Kod:** Kod boleh didapati di [ssih.org/Code-of-Ethics](http://ssih.org/Code-of-Ethics).

# KUMPULAN KERJA KOD ETIKA

Christine Park

Timothy Murphy

Zalim Balkizov

Thomaz Bittencourt Couto

Pin-Tarng Chen

John Dean

Sharon Decker

Parvati Dev

Dayna Downing

Kris Thomas Dreifuerst

Eliana Escudero Zúñiga

Valerie Fulmer

Grace Gephardt

Leslie Graham

David Grant

Edgar Israel Herrera Bastida

Leslie Hurst

Sabrina Koh

Hani Lababidi

Esther León Castelao

William Lewandowski

Jennifer McCarthy

Elaine Meyer

Geoffrey Miller

Stefan Monk

Debra Nestel

Fadekemi Oginni

Gen Ouchi

Edwin Ozawa

Gina Peña Pavez

Leona Robertson

Ismail Saiboon

Paola Santalucia

Dawn Schocken

Laura Shen

Elizabeth Sinz

Gulcihan Ulufer Sivrikaya

Cathy Smith

Mary Kay Smith

Andrew Spain

Catherine Strayhorn

Elena Tragni

Isabelle Van Herzeele

Robin Wootten

# KOD ETIKA SIMULASI KESIHATAN: PENGANTAR

Individu dan organisasi yang terlibat dalam simulasi kesihatan sentiasa berusaha ke arah amalan yang selamat, peningkatan prestasi dan kualiti penjagaan kesihatan yang lebih baik. Kod Etika ini bertujuan membimbing dan sesuai untuk digunakan oleh mereka yang mengamalkan simulasi kesihatan.

Sebagai profesional simulasi, kami menyedari bahawa amalan simulasi akan mempengaruhi pelbagai aspek penjagaan kesihatan. Memandangkan tanggungjawab ini, kami berikrar akan mematuhi Kod Etika ini.

Kod Etika Simulasi ini bertujuan untuk menggalak, memperkuat, dan menyokong budaya etika di kalangan semua individu dan organisasi yang terlibat dalam simulasi kesihatan. Ia menekankan komitmen keatas para Pakar Simulasi Kesihatan kepada piawaian integriti yang tertinggi.

Kod Etika ini bertujuan untuk memastikan bahawa Pakar Simulasi Kesihatan melaksanakan semua aktiviti dengan piawaian etika tertinggi di seluruh dunia. Ia mendasari dan membangunkan nilai dan amalan asas yang dinyatakan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan persatuan profesional lain.

# KOD ETIKA SIMULASI KESIHATAN: NILAI

## I. Integriti

Pakar Simulasi Kesihatan hendaklah mengekalkan taraf integriti tertinggi dengan bersikap jujur, benar, adil dan saksama dalam semua perkara yang mempengaruhi tugas mereka.


Mereka hendaklah:

- Hormat dan memupuk persekitaran organisasi yang beretika.
- Memaklumkan, mengikut kewajaran, berkenaan sesuatu aktiviti simulasi itu akan tanggapan rekabentuknya, kekangan, pengubahsuaian dan masalah yang mungkin timbul.
- Berterus terang dan tidak menimbulkan keraguan dalam kegunaan sesuatu kaedah simulasi itu secara spesifik berdasarkan maklumat atau bukti yang ada.
- Berusaha dan menghapuskan segala bentuk kemudaratan yang mungkin timbul kepada manusia, haiwan dan persekitaran.
- Menghormati hak peribadi individu dan organisasi, dan mempertahankan kerahsiaan data dan hasil bila perlu.
- Menghormati dan mengakui semua hak intelektual dan pemilikan serta memberi penghargaan sewajarnya jika perlu.

## II. Ketelusan

Pakar Simulasi Kesehatan hendaklah melaksanakan semua aktiviti simulasi kesihatan mereka dengan telus dan jelas dari segi merekabentuk, komunikasi dan proses membuat keputusan.

Mereka hendaklah:

- Mematuhi piawaian yang telah diterima-pakai dalam dokumentasi, analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian aktiviti simulasi.
  - Mengisytiharkan secara jelas sebarang aktiviti yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan sama ada secara hakikat atau tanggapan.
  - Berterus-terang serta jelas mengenai sifat dan tujuan aktiviti simulasi dilakukan, termasuk aktiviti penyelidikan.
  - Menghadkan segala aktiviti simulasi yang melibatkan muslihat atau desepsi, dimana sekiranya memerlukan muslihat ini, ianya haruslah dihadkan seminima mungkin, dan ianya tidak melibatkan penyembunyian risiko atau mengakibatkan kecederaan atau penyekeasan.
- 

# KOD ETIKA SIMULASI KESIHATAN: NILAI

## III. Saling menghormati

Pakar Simulasi Kesehatan hendaklah menghormati hak, maruah, dan harga diri semua orang. Mereka harus mengamalkan empati dan belas kasihan bagi menyokong manfaat kebajikan (beneficence) dan bukan merosakkan (non maleficence) terhadap semua yang terlibat dalam aktiviti simulasi.

Mereka hendaklah:


- Menghormati pengetahuan, kemahiran, nilai, dan kelemahan pelajar mahupun rakan sekerja.
- Mendengar pandangan orang lain dan berusaha untuk memahaminya.
- Mempamerkan sifat kemanusiaan, menghormati kepelbagaian, dan menggalakan keterlibatan semua serta mengelakkan layanan yang berat sebelah.
- Memaksimumkan keselamatan dan meminimumkan risiko fizikal mahupun psikologi.



## IV. Profesionalisma

Pakar Simulasi Kesihatan hendaklah sentiasa menunjukkan sikap profesional yang mendasari bidang simulasi kesihatan itu sendiri.

Mereka hendaklah:

- Menunjukkan kecekapan dan bersikap profesional.
  - Mempamerkan perkembangan peribadi dan profesion yang berterusan.
  - Menggalak dan membantu membangunkan rakan sejawat serta mereka yang baru menceburkan diri dalam simulasi kesihatan.
  - Memupuk peluang untuk kemajuan profesion simulasi kesihatan.
- 

# KOD ETIKA SIMULASI KESIHATAN: NILAI

## V. Akauntabiliti

Pakar Simulasi Kesihatan bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan mereka dalam memenuhi tugas dan tanggungjawab mereka.

Mereka hendaklah:

- Sentiasa mencari, menilai kembali dan memberi maklumbalas.
- Membenarkan diri mereka untuk dinilai semula secara profesional apabila perlu.
- Menunjukkan contoh perilaku yang beretika.
- Mempamerkan tingkah laku profesional yang menjadi nilai tambah kepada komuniti simulasi kesihatan, majikan, dan diri sendiri.
- Mengenalpasti dan memaklumkan kepada pihak yang berkepentingan sekiranya terjumpa tingkah laku yang tidak selamat, tidak beretika, atau tidak profesional.
- Merancang dan menggunakan simulasi secara bijak dengan menggunakan sumber yang sedia ada.
- Sentiasa berwaspada tentang potensi atau akibat aktiviti simulasi samada yang diinginkan ataupun yang tidak diinginkan terjadi.

## VI. Berorientasikan Hasil

Pakar Simulasi Kesehatan harus berfungsi dalam menyokong aktiviti yang boleh meningkatkan kualiti profesion dan sistem kesihatan. Hasilnya tidak hanya terhad kepada hasil akhir tetapi termasuk semua hasil disetiap peringkat dalam proses simulasi kesihatan.

Mereka hendaklah:

- Memastikan penggunaan simulasi kesihatan yang boleh dipercayai dan berwibawa, selaras dengan piawaian amalan yang diakui.
- Terlibat dalam aktiviti peningkatan kualiti berterusan.
- Melaksana dan mengukur kesan pelbagai hasil yang boleh dicapai, yang melibatkan amalan simulasi, prestasi manusia, peningkatan sistem, dan kesan langsung terhadap pesakit.
- Menggabungkan serta menanamkan Kod Etika di dalam semua aktiviti simulasi kesihatan dan membudayakannya dalam organisasi.
- Menggunakan Kod Etika bagi memaklumkan amalan etika dalam bidang yang berkaitan.
- Memperkenalkan simulasi kesihatan kepada umum dengan mempromosikan akses dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mengenainya.

Kod Etika Pakar Simulasi Kesihatan menegakkan nilai-nilai aspirasi yang penting dalam amalan simulasi iaitu:

- I. **Integriti**
- II. **Ketelusan**
- III. **Saling menghormati**
- IV. **Profesionalisme**
- V. **Akauntabiliti**
- VI. **Berorientasikan Hasil**

**Edisi Bahasa Malaysia ini diterjemahkan oleh:**

- **Prof. Dr. Ismail Mohd Saiboon**
- **Dr Pong Kwai Meng**

*Translations of the Healthcare Simulationist Code of Ethics are prepared by volunteer translators. No liability is assumed by SSH or the code of ethics authors for any errors, omissions, or ambiguities in the translations provided. Any person or entity that relies on translated content does so at their own risk. Neither SSH nor the code of ethics authors shall be liable for any losses caused by reliance on the accuracy, reliability, or timeliness of translated information.*

Supported by:

